



INTERNATIONAL JOURNAL OF
INNOVATION AND
INDUSTRIAL REVOLUTION
(IJIREV)
www.ijirev.com



**KAJIAN PENCAPAIAN OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM
(PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES – PEO) BAGI
PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN PERKHIDMATAN
BANGUNAN**

*STUDY OF THE ACHIEVEMENT OF PROGRAM EDUCATION OBJECTIVES
(EDUCATIONAL OBJECTIVES PROGRAM - PEO) FOR DIPLOMA IN BUILDING
SERVICES ENGINEERING DIPLOMA PROGRAM*

Lukman Nul Hakim Md Terasid^{1*}, Redzuan Safri Abdul Rahman², Muhammad Hanis Ali³

¹ Department of Civil Engineering, Politeknik Kuching, Sarawak
Email: lukman@poliku.edu.my

² Department of Civil Engineering, Politeknik Kuching, Sarawak
Email: redzuan.s@poliku.edu.my

³ Department of Civil Engineering, Politeknik Kuching, Sarawak
Email: hanis@poliku.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.11.2023

Revised date: 05.11.2023

Accepted date: 01.12.2023

Published date: 31.12.2023

To cite this document:

Terasid, L. N. H. M., Rahman, R. S. A., & Ali, M. H. (2023). Kajian Pencapaian Objektif Pendidikan Program (Programme Educational Objectives – PEO) Bagi Program Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan. *International Journal of Innovation and Industrial Revolution*, 5 (15), 89-97.

DOI: 10.35631/IJIREV.515010

Abstrak:

Pendidikan di institut pengajian tinggi Malaysia perlu mendapat akreditasi dari badan yang bertanggungjawab seperti *Malaysia Qualification Agency* (MQA) dan *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC) bagi memastikan kebolehpasaran graduan terjamin. Maka dengan itu, pihak ETAC meminta program agar menerangkan proses untuk semakan berkala dan semakan bagi *Programme Educational Objectives* (PEO) bagi menentukan sejauh mana pihak industri terlibat dalam kerjaya graduan yang sedang bekerja dengan mereka. Terdapat dua objektif yang ingin dicapai iaitu mengenalpasti persepsi alumni terhadap pencapaian *Programme Educational Objectives* (PEO) dan menentukan aras pencapaian setiap PEO yang telah dicapai oleh alumni. Sasaran bagi kajian ini adalah graduan seramai 35 orang yang mengikuti program Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan di Politeknik Kuching Sarawak yang telah bergraduasi selama 5 tahun. Soal selidik secara *Google Forms* dan telah di email kepada graduan terlibat untuk dilengkapkan. Hasil dari kajian mendapati bahawa persepsi pelajar terhadap semua PEO program adalah sangat baik dengan skor pencapaian adalah 90 ke atas. Dimana aras pencapaian PEO 2 iaitu menjadi ketua atau

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



ahli pasukan untuk menyokong peranan mereka dalam industri adalah paling tinggi di antara keempat-empat PEO.

Kata Kunci:

Malaysia Qualification Agency, Engineering Technology Accreditation Council, Programme Educational Objectives

Abstract:

Education at Malaysian institutes of higher education must be accredited by responsible bodies such as Malaysia Qualification Agency (MQA) and Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) to ensure graduates' marketability is guaranteed. Therefore, ETAC asked the program to explain the process for periodic review and review of the Program Educational Objectives (PEO) to determine the extent to which industry is involved in the careers of the graduates who are working with them. There are two objectives to be achieved which are to identify the alumni's perception of the achievement of the Program Educational Objectives (PEO) and to determine the level of achievement of each PEO that has been achieved by the alumni. The target for this study is a total of 35 graduates who followed the Building Services Engineering Diploma program at Kuching Sarawak Polytechnic who have graduated for 5 years. The questionnaire is Google Forms and has been emailed to the graduates involved to be completed. The results of the study found that the students' perception of all PEO programs is very good with an achievement score of 90 and above. Where the level of achievement of PEO 2 which is to be a leader or team member to support their role in the industry is the highest among the four PEOs.

Keywords:

Malaysia Qualification Agency, Engineering Technology Accreditation Council, Programme Educational Objectives

Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menyatakan bahawa pendidikan merupakan usaha yang berterusan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap kerohanian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Akta Pendidikan, 1996). Menurut Mior Jamaluddin (2011), sistem pendidikan merupakan asas yang penting dalam membangunkan masyarakat dan negara ke arah yang lebih baik. Melalui sistem pendidikan, masyarakat dibentuk dengan memberi pelajaran kepada semua tanpa mengira bangsa, agama serta warna kulit. Dalam era globalisasi ke arah dunia tanpa sempadan, cabaran yang dihadapi oleh para graduan pada masa kini menjadi lebih sengit di pasaran kerja sama ada di dalam mahupun luar negara. Antara persoalan yang akan wujud adalah adakah graduan kita sudah disediakan dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi, kemahiran praktikal dan profesional, kemahiran insaniah serta sikap yang akan membolehkan mereka menghadapi persaingan tersebut. Adakah pihak institusi sudah menyediakan mereka untuk memenuhi keperluan dan tuntutan pihak-pihak yang berkepentingan. Malah adakah sistem pendidikan negara kita telah mengalami anjakan paradigma dalam usaha menjadikan institusi pengajian tinggi negara kita terus unggul di mata

masyarakat dan menjadi rebutan pelajar-pelajar dari negara asing (Hema Dahdi, Zanaton Iksan, 2018)

Latarbelakang Masalah

Program akreditasi pendidikan di institut pengajian tinggi merupakan salah satu aspek penting dalam menjamin para graduan untuk menembusi pasaran industri apabila mereka telah graduasi. Faktor yang diambil kira dalam penilaian akreditasi adalah kemudahan pembelajaran, kurikulum program yang mematuhi standard, kelayakkan tenaga pengajar dan pengendalian subjek. Proses penilaian ini penting bagi menyemak dan memastikan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) atau universiti mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) atau standard pendidikan yang ditetapkan. Proses ini dijalankan berdasarkan bukti pengendalian sebenar program termasuklah aktiviti penilaian berkaitan pengajaran dan pembelajaran serta kegiatan lain yang berkait dengan tawaran program (Nas Norziela Nasbah 2022). Badan-badan yang menyelia dan mengakreditasikan institusi pendidikan tinggi di Malaysia adalah *Malaysia Qualification Agency* (MQA) dan *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC).

Pernyataan Masalah

Setiap program kejuruteraan di Malaysia perlu mendapatkan badan akreditasi yang mengesahkan bahawa program tersebut layak dijalankan dan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Oleh yang demikian *Board Of Engineers Malaysia* (BEM) dibawah *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC) telah dilantik untuk menjalankan proses-proses akreditasi bagi semua program kejuruteraan di Malaysia termasuk Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan di Politeknik Kuching Sarawak. Dalam pada itu salah satu criteria yang dituntut oleh ETAC dalam manualnya adalah program ini hendaklah mempunyai hubungan yang jelas antara objektif pendidikan program dan hasil program. Malah ETAC mensyaratkan supaya proses yang digunakan untuk menubuhkan *Programme Educational Objectives* (PEO) dan sejauh mana pelbagai pihak berkepentingan terlibat dalam proses ini. Oleh yang demikian ETAC meminta program agar menerangkan proses untuk semakan berkala dan semakan PEO. (*Engineering Technician Education Programme Accreditation Standard*, 2020).

Objektif

Menerusi pernyataan masalah yang telah diberikan, pengkaji melihat terdapat dua objektif yang ingin diperolehi. Objektif tersebut adalah:

- i. Mengenalpasti persepsi alumni terhadap pencapaian *Programme Educational Objectives* (PEO) terhadap kerjaya mereka.
- ii. Menentukan aras pencapaian setiap PEO yang telah dicapai oleh alumni sepanjang mereka berada di industri.

Kajian Literatur

Objektif Program Pendidikan atau lebih dikenali sebagai *Program Education Outcomes* (PEO) adalah salah satu mekanisme yang menilai pencapaian sesuatu program terhadap graduan yang telah tamat pengajian dalam tempoh tiga hingga lima tahun. Hal ini seperti yang dinyatakan Abbadeni 2013, yang mendefinisikan PEO sebagai kenyataan menyeluruh yang menerangkan pencapaian graduan dari program tertentu yang perlu dicapai beberapa tahun selepas tamat pengajian. Malah PEO juga ditakrifkan sebagai matlamat khusus yang sejajar dengan visi dan misi sesebuah institusi pengajian tinggi. Manakala menurut Jayaprakash 2020, pula mentakrifkan PEO bagi program ijazah kejuruteraan sebagai pernyataan yang menerangkan perkara yang diharapkan untuk dilaksanakan dan dicapai oleh graduan dalam beberapa tahun

pertama selepas tamat pengajian. Dalam konteks Malaysia, PEO ialah kenyataan luas yang menggambarkan pencapaian jangkaan graduan dalam tempoh tiga hingga lima tahun tamat pengajian. Maka dengan ini setiap proram pendidikan yang tawarkan kepada pelajar perlu dinilai agar sentiasa relevan dengan keadaan pasaran terkini bersesuaian dengan konsep pembelajaran berasaskan hasil atau *Outcome Based Education* (OBE) yang banyak diterapkan kepada pelajar. Kenyataan ini disokong oleh Kaslia 2022, dimana terdapat empat faktor yang mempengaruhi penialain PEO bagi sesuatu program iaitu kualiti graduan yang memenuhi kehendak industri, keberkesanan pengajaran, penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) dan sebagai memenuhi keperluan badan akreditasi seperti MQA atau ETAC yang salah satunya perlu mematuhi aspek kualiti pelajar.

Skop Dan Batasan

Kajian ini melibatkan graduan Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan (DPB) di Politeknik Kuching Sarawak. Dimana mereka ini dipilih selepas 5 tahun menamatkan pengajian dari Politeknik Kuching, Sarawak (PKS). Bagi mengetahui dan mengukur pencapaian PEO, satu kajian tinjauan telah dijalankan yang melibatkan 35 graduan dalam kalangan alumni DPB PKS Kohort Jun 2019. Kajian ini dijalankan melalui kaedah kuantitatif untuk mendapatkan maklumbalas daripada alumni DPB PKS. Borang soal selidik telah disediakan dalam bentuk *Google Forms* dan telah di email kepada graduan terlibat untuk dilengkapkan. Soal selidik terbahagi kepada dua (2) bahagian yang mengandungi 23 soalan secara keseluruhannya.

Metodologi

Soalan bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan mengenai maklumat latar belakang responden yang merangkumi status jantina, bangsa, pekerjaan, umur, tahun graduasi, sektor pekerjaan, maklumat organisasi serta gaji permulaan bulanan bagi graduan diploma politeknik. Manakala bahagian B mengandungi soalan berkaitan maklumbalas graduan berdasarkan (PEO) DPB PKS.

Pada bahagian B dalam soal selidik pula lebih menjurus kepada pencapaian *Programme Educational Objectives* (PEO) dimana terdapat empat penanda aras yang diukur iaitu:

- i. PEO 1 : Bekerja dalam bidang kejuruteraan perkhidmatan bangunan atau bidang yang berkaitan dengan penggunaan pengetahuan kejuruteraan dan kemahiran teknikal.
- ii. PEO2 : Menjadi ketua pasukan atau sebagai ahli pasukan dengan kemahiran komunikasi yang berkesan, dan kerja berpasukan untuk menyokong peranan mereka dalam industri/masyarakat.
- iii. PEO3 : Melibatkan diri dalam aktiviti untuk memulakan perusahaan mereka sendiri dan mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran (pembelajaran sepanjang hayat).
- iv. PEO4 : Komited kepada tanggungjawab profesional dan komuniti, mematuhi nilai etika dan alam sekitar.

Hasil Dapatan

Berdasarkan soal selidik yang diperolehi, taburan jantina adalah seimbang antara lelaki dan perempuan iaitu 19 lelaki dan 19 perempuan yang mana rata-rata mereka berada dalam lingkungan umur 20 hingga 25 tahun sahaja. Majoriti responden terdiri daripada graduan

Bumiputera Sarawak dengan pecahan seramai 18 orang. Sektor pekerjaan yang mereka ceburi lebih menjurus ke sektor swasta yang memfokuskan kepada sektor pembinaan.

Terdapat beberapa kriteria yang dinilai menerusi setiap PEO. Dimana kriteria tersebut adalah:

- i. PEO 1 : Bekerja dalam bidang kejuruteraan perkhidmatan bangunan atau bidang yang berkaitan dengan penggunaan pengetahuan kejuruteraan dan kemahiran teknikal.
 - a) Graduan mempunyai keupayaan untuk menggunakan pengetahuan mereka dalam bidang kejuruteraan perkhidmatan bangunan atau bidang berkaitan mengikut keperluan industri.
 - b) Graduan menunjukkan keupayaan untuk menggunakan pengetahuan mereka tentang kejuruteraan perkhidmatan bangunan atau bidang berkaitan selaras dengan keperluan industri.
 - c) Graduan memiliki kemahiran yang diperlukan oleh industri untuk membina perkhidmatan kejuruteraan atau bidang berkaitan.
 - d) Graduan mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kerja mereka secara kreatif.
 - e) Graduan adalah inovatif dalam melaksanakan tugas yang diberikan.
 - f) Graduan Menunjukkan Kecekapan Praktikal Dalam Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan Atau Bidang Berkaitan
- ii. PEO2 : Menjadi ketua pasukan atau sebagai ahli pasukan dengan kemahiran komunikasi yang berkesan, dan kerja berpasukan untuk menyokong peranan mereka dalam industri/masyarakat.
 - a) Graduan menunjukkan kemahiran komunikasi yang berkesan (lisan dan bertulis).
 - b) Graduan Mampu Bekerjasama Secara Aktif Sebagai Ahli Pasukan
 - c) Graduan dapat membimbing pasukan kerja dalam menyiapkan tugasan.
- iii. PEO3 : Melibatkan diri dalam aktiviti untuk memulakan perusahaan mereka sendiri dan mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran (pembelajaran sepanjang hayat).
 - a) Graduan Menunjukkan Ciri-Ciri Keusahawanan
 - b) Graduan terlibat dalam latihan profesional dan kursus yang berkaitan dengan pembangunan kerjaya.
 - c) Graduan mempunyai inisiatif dalam memperoleh pengetahuan dan kemahiran baharu yang diperlukan.
 - d) Graduan terlibat secara aktif dalam masyarakat.
- iv. PEO4 : Komited kepada tanggungjawab profesional dan komuniti, mematuhi nilai etika dan alam sekitar.
 - a) Graduan mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat dan individu yang memainkan peranan penting dalam industri.
 - b) Graduan terlibat secara aktif dengan program tanggungjawab sosial masyarakat.
 - c) Graduan sentiasa mengambil kira kesan tindakan mereka terhadap masyarakat dan alam sekitar ketika melaksanakan tugas.
 - d) Graduan Sentiasa Menunjukkan Etika Yang Baik Di Tempat Kerja.

- a) Mengenalpasti persepsi alumni terhadap pencapaian Programme Educational Objectives (PEO). Hasil daripada soal selidik tersebut keputusan yang diperolehi adalah seperti dibawah.

Jadual 1 : Persepsi Graduan Bagi Bekerja Dalam Bidang Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan

PEO 1	Bekerja dalam bidang Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan.				
PEO1	Amat Baik	Baik	Sederhana	Kurang Baik	Amat Kurang Baik
a	21.1	47.4	31.6	0	0
b	23.7	52.6	18.4	5.3	0
c	21.1	57.9	21.1	0	0
d	28.9	57.9	13.2	0	0
e	28.9	50	18.4	2.6	0
f	26.3	50	23.7	0	0
Purata	25.0	52.6	21.1	1.3	0.0
Jumlah	98.7			1.3	

Jadual 2 : Persepsi Graduan Bagi Menjadi Ketua Atau Ahli Pasukan Untuk Menyokong Peranan Mereka Dalam Industri.

PEO2	Menjadi ketua atau ahli pasukan untuk menyokong peranan mereka dalam industri.				
PEO2	Amat Baik	Baik	Sederhana	Kurang Baik	Amat Kurang Baik
a	42.1	39.5	15.8	2.6	0
b	44.7	39.5	15.8	0	0
c	34.2	52.6	13.2	0	0
Purata	40.33	43.87	14.93	0.9	0.00
Jumlah	99.13			0.87	

Jadual 3 : Persepsi Graduan Bagi Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Untuk Meningkatkan Pengetahuan Atau Memulakan Perusahaan Mereka Sendiri

PEO3	Melibatkan diri dalam aktiviti untuk meningkatkan pengetahuan atau memulakan perusahaan mereka sendiri				
PEO3	Amat Baik	Baik	Sederhana	Kurang Baik	Amat Kurang Baik
a	28.9	55.3	13.2	1.1	0
b	23.7	60.5	15.8	0	0
c	28.9	47.4	21.1	0	0
d	34.2	36.8	28.9	0	0
Purata	28.93	50	19.75	1.1	0
Jumlah	98.7			1.1	

Jadual 4 : Persepsi Graduan Bagi Memenuhi Tanggungjawab Profesional Dan Komuniti, Mematuhi Nilai Etika Dan Persekitaran Setempat.

PEO4	Penuhi tanggungjawab profesional dan komuniti, mematuhi nilai etika dan persekitaran setempat.				
PEO4	Amat Baik	Baik	Sederhana	Kurang Baik	Amat Kurang Baik
a	42.1	39.5	15.6	2.6	0
b	36.8	36.8	23.7	0	2.6
c	36.8	47.4	15.8	0	0
d	36.8	50	13.2	0	0
Purata	38.1	43.4	17.1	0.65	0.65
Jumlah	98.7			1.3	

- b) Menentukan aras pencapaian setiap PEO yang telah dicapai oleh alumni sepanjang mereka berada di industri

Justeru itu berdasarkan keputusan soal selidik mendapati PEO 2 iaitu ‘Menjadi ketua atau ahli pasukan untuk menyokong peranan mereka dalam industri’ telah mendapat jumlah skor purata tertinggi iaitu sebanyak 99.13 daripada keempat-empat PEO yang ditanya. Keputusan ini disokong dengan kepentingan utama majikan adalah untuk organisasi terus berjaya, manakala kepentingan pekerja adalah untuk memastikan keadaan kerja yang terbaik dan menikmati taraf hidup yang baik. Di samping itu, sikap penyelia yang baik, saling menghormati dan memahami pekerja, serta prihatin akan tugas dan kekangan pekerja juga menyumbang kepada sikap positif dan produktiviti tenaga kerja (Berita Harian Online, 2018). Malah Menurut Turner 2002 juga, pihak majikan juga berharap kemahiran bekerja secara berpasukan amat penting seiring dengan tuntutan untuk terus memahirkan diri di tempat kerja. Hal ini menunjukkan graduan telah menghadiri kursus profesional dan relevan dengan pembangunan kerjaya mereka serta berinisiatif dalam menimba ilmu serta kemahiran baru dalam melaksanakan tugas dan peranan yang diberikan dalam industri. Sama seperti yang diutarakan Sharifah Hana 2015, pihak majikan kebiasaannya menginginkan pekerja mampu menampilkan keyakinan diri dan prihatin terhadap tugas yang diberikan. Manakala PEO 4, 3 dan 1 mencapai jumlah skor purata yang sama iaitu 98.7.

Kesimpulan

Program Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan (DPB) secara amnya telah melepasi standard yang telah dipersetujui oleh panel penasihat industri dimana mereka menginginkan jumlah minimum sebanyak 50% bilangan graduan yang bekerja dalam bidang kejuruteraan yang berkaitan, 40% graduan akan dapat menyumbang dalam organisasi yang diiktiraf, 55% graduan memegang jawatan penting di kejuruteraan peringkat pertengahan dan 30% daripada graduan menghadiri pembelajaran sepanjang hayat pada pembelajaran peringkat profesional yang lebih tinggi. Diharapkan agar semua graduan DPB kelak dapat meneruskan kecermelangan yang telah mereka kecap di politeknik di sector industri apabila mereka bekerja kelak.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada para pensyarah dan pelajar jurusan Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan serta Ketua Jabatan, Kejuruteraan Awam, Politeknik Kuching Sarawak di atas sokongan dan dorongan sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Rujukan

- Abbadeni, N., Ghoneim, A., & AlGhamdi, A. (2013). Program Educational Objectives Definition and Assessment for Accreditation Purposes. *International Journal of Engineering Pedagogy (IJEPP)*, 3(3), 33.
- Berita Harian Online. (2018, May 1). Pekerja Cemerlang Pacu Produktiviti Negara. *Berita Harian*.
- Hema Dahdi, Zanaton Iksan (2018). Pembelajaran Berasaskan Hasil (Outcomes-Based Education, OBE) Dalam Pendidikan Tinggi. *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.

- Jayaprakash, S. (2020). Program Educational Objectives Attainment: The Process. *International Journal of Science and Research (IJSR)*, 9(3), 2018–2021.
- Kaslia Kasiran, Karimah Umar, Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2022). Penilaian Pencapaian Objektif Pendidikan Program (PEO) Graduan Kolej Komuniti Sebagai Tenaga Kerja Berpengetahuan dan Berkemahiran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Mior Jamaluddin, M.K.A. (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *Sosiohumanika*. 4(1). 33-48.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar, A Rahim Hamdan & Azizi Yahya (2009). Kepimpinan Keja Berpasukan dan Kepuasan Kerja. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, Jilid 14. 26-46.
- Nas Norziela Nasbah (2022). Kursus IPT tanpa akreditasi MQA tak laku. *BHarian*.
- Nor Zamira Binti Othman, Mastura Ramli & Noradilah Binti Sukor (2017). Persepsi Industri Terhadap Penguasaan Ilmu dan Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Latihan Industri Politeknik. *E-Jurnal LIS, Liga Ilmu Serantau* 2017.
- Norhidayah Binti Hasbullah & Dzurizah Ibrahim (2020). Hubungan Pekerjaan Di Sektor Informal: Kajian Kes Di Lawas, Sarawak, Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Sharifah Hana Abd Rahman, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Rabi'ah Muhammad Serji dan Maffuza Salleh (2015). Faktor-Faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri Di Institut Pengajian Tinggi (Ipt): Satu Sorotan. *abatan Undang-undang, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*.
- Siti Normazila Abd Aziz, Nadia Hairi (2016). Kajian Terhadap Perakuan Akreditasi Mqa Bagi Program Sijil Kolej Komuniti. *Seminar Pentaksiran dan Penilaian Kolej Komuniti* 2016.
- Suzana Abd Latif & Joohari Ariffin (2021). Kepemimpinan Keusahawan Untuk Pemimpin Pendidikan : Dalam Mendepani Cabaran Dunia Vuca. *Institut Aminuddin Baki*.
- The Principles of Accreditation : Foundation fo Quality Enhancement. 2012. Fifth Edition. Georgia: Southern Association of Colleges and Schools Commission on Colleges.
- The Value of Accredited Certification. 2012. US: International Accreditation Forum.
- Turner, D. (2002). Employability skills development in the United Kinvocational education research (NCVER). Kensington Park. Australia.